

PARTI NEGARA SARAWAK

dalam Sejarah Politik Sarawak

SUFFIAN MANSOR

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2024

www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PERCETAKAN INFO MEDITASI SDN. BHD.
No. 25, Jalan Balakong Jaya 1, Taman Industri Balakong Jaya,
43300 Balakong, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-257-9

Kandungan

Senarai Jadual & Rajah ... 7

Prakata ... 9

BAB 1 Sejarah Awal Sarawak ... 11

BAB 2 Penubuhan Parti Negara Sarawak ... 23

BAB 3 Agenda Awal Parti Negara Sarawak ... 42

BAB 4 Perpecahan dalam Parti Negara Sarawak ... 61

BAB 5 Parti Negara Sarawak Bergerak Sendiri ... 83

BAB 6 Parti Negara Sarawak Mencari Kerelevanan dalam Politik ... 107

BAB 7 Parti Negara Sarawak Menyertai Kerajaan Negeri ... 124

BAB 8 Pembentukan Parti Bumiputera ... 136

BAB 9 Rangkuman Sejarah Parti Negara Sarawak ... 158

Lampiran ... 167

Rujukan ... 181

Indeks ... 191

Prakata

Tulisan mengenai sejarah politik Sarawak banyak dihasilkan oleh sarjana Barat dan tempatan. Hasil karya ilmiah mereka banyak menjadi rujukan oleh sarjana politik Sarawak. Salah seorang sarjana Barat yang terkenal dalam tulisan sejarah politik Sarawak ialah Michael Leigh. Buku beliau yang bertajuk *The Rising Moon: Political Change in Sarawak* merupakan karya yang menyeluruh mengenai politik Sarawak dari 1959 sehingga 1971. Tulisan Leigh ini merupakan satu tulisan mengenai politik Sarawak yang agak mantap. Beliau berjaya menyusun perbincangan tentang politik Sarawak secara umum dengan mengupas banyak isu-isu penting dalam perkembangan politik Sarawak. Seorang lagi sarjana Barat yang menulis tentang politik Sarawak ialah Margaret Clarke Roff yang bertajuk *The Politics of Belonging: Political Change in Sabah And Sarawak*. Namun demikian, karya beliau ini menumpu kepada dua negeri iaitu Sabah dan Sarawak. Penulisan beliau ini lebih berat kepada penulisan tentang politik Sabah.

Manakala, sarjana tempatan yang telah berjaya menulis tentang politik Sarawak ialah Sanib Said, Jayum, Chin Ung-Ho dan James Ongkili. Penulisan yang dibuat oleh Sanib tertumpu kepada penulisan ke atas penduduk Melayu-Melanau. Buku beliau yang bertajuk *Malay Politics in Sarawak 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy* merupakan satu penulisan politik Sarawak yang bersifat mikro. Hal ini kerana penulisan yang beliau buat ini lebih menumpukan soal orang Melayu. Begitu juga dengan penulisan yang dibuat oleh Jayum A. Jawan. Karya beliau yang bertajuk *Iban politics and economic development: Their patterns and change* merupakan satu penulisan tentang politik orang Iban. Begitu juga dengan buku-buku beliau yang lain seperti *The Iban factor in Sarawak politics*. Manakala, penulisan Chin Ung-Ho merupakan satu penulisan lebih cenderung kepada aktiviti berpolitik orang Cina di Sarawak. Buku yang beliau hasilkan ialah *Chinese Politics in Sarawak*.

Sementara itu Ongkili juga merupakan sarjana tempatan yang aktif dalam menghasilkan karya sejarah Sabah dan Sarawak. Hasil perkhidmatan beliau di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, maka beliau telah menulis dua buku utama, iaitu *The Borneo response to Malaysia, 1961–1963* dan

Modernization in East Malaysia, 1960–1970 telah mengupas mengenai politik Sabah dan Sarawak. Manakala, karya sejarah politik Sarawak dalam bahasa Melayu boleh dilihat dalam satu koleksi artikel dalam *Politik Sarawak* yang diedit oleh Ahmad Nidzammuddin. Karya berbahasa Melayu yang pertama ini merupakan satu kajian yang menarik kerana ia cuba memaparkan tentang politik Sarawak secara umum dari penubuhan awal parti di Sarawak sehingga kepada senario politik Sarawak pada tahun-tahun 1980-an.

Manakala, buku yang saya cuba hasilkan ini bukannya satu buku yang cuba mencabar kehadiran buku-buku ilmiah yang sedia ada, tetapi ia merupakan usaha memperkasakan penyelidikan dan penulisan sejarah politik Sarawak. Ia bersifat mikro kerana menumpukan kepada penubuhan sebuah parti, iaitu Parti Negara Sarawak atau ringkasnya PANAS. Percubaan saya untuk menghasilkan karya ilmiah ini adalah untuk menambah atau memperkayakan lagi penulisan tentang Sarawak. Ia juga merupakan usaha saya untuk menambahkan karya ilmiah dalam bahasa Melayu. Semoga dengan adanya buku saya ini maka kajian tentang politik Sarawak dapat diperkembangkan lagi kepada penulisan-penulisan lain.

Perkara yang dititikberatkan dalam buku ini adalah tentang perjuangan PANAS dalam menjaga kepentingan kaum bumiputera amnya dan Sarawak khususnya. Persaingannya dengan parti-parti seterusnya adalah sebagai satu cabaran besar kepada kewujudan parti tersebut. Manakala, fasa terakhir memperlihatkan kelemahan parti ini. Masalah ini akhirnya menyebabkan penyatuan orang Melayu menjadi lebih penting. Peranan yang dimainkan oleh Abang Ikhwan, Abdul Taib Mahmud dan Abdul Rahman Ya'akub telah membawa kepada penyatuan orang Melayu dalam politik Sarawak. Penyatuan orang Melayu ini dalam Parti Bumiputera membawa kepada perjuangan PANAS mulai bertukar menjadi perjuangan ke arah kebajikan masyarakat bumiputera amnya dan Melayu-Melanau khususnya. Perbincangan ini memberi satu pengetahuan baharu tentang perjuangan parti politik di Sarawak yang belum pernah diuar-uarkan.

Penghasilan buku ini juga adalah bantuan daripada dua projek, iaitu Delta Sungai Sarawak: Dinamik, Penempatan dan Sosiobudaya (SK-UM-2014-001) dan Perkembangan Politik Sarawak, 1959–1971 (GGPM-2016-082) serta Dana Penerbitan Buku (DPB) DPB-2021-183.

Suffian Mansor